NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#31

3 Oktober 2024 – 9 Oktober 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**nexus**

ISI KANDUNGAN

Pinjaman Jangka Panjang: Solusi atau Beban?..... 2
Belanjawan 2025: Apa Harapan Sektor Pendidikan?..... 4
Reformasi KPKM: Baik atau Buruk Untuk Negara?..... 7
FPP di Hospital Kerajaan Menguntungkan?..... 11
Wajarkah Kapal Tentera Laut China Disambut?..... 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Pinjaman Jangka Panjang: Solusi atau Beban?

- Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) baru-baru ini telah memutuskan untuk memberikan **pinjaman perumahan berjangka masa panjang**. Ia bagi memastikan individu dan isi rumah yang kurang berkemampuan mampu memiliki rumah tanpa merasa terbeban dengan kenaikan harga rumah yang semakin meningkat.

- Lebih-lebih lagi, terdapat **peningkatan nisbah hutang isi rumah** kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari 67.2% pada tahun 2002 kepada 81.2% pada tahun 2022. Sektor hartanah kediaman pula kini mendominasi pinjaman sektor isi rumah di mana kredit perumahan meningkat daripada 36% pada 1997 kepada 59.7% pada 2022. Ini adalah satu peningkatan yang membimbangkan.

- Dalam konteks kenaikan harga hartanah dan kos sara hidup, inisiatif ini boleh meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama. Namun, perlu diambil kira bahawa pinjaman jangka panjang juga boleh **meningkatkan jumlah faedah** yang perlu dibayar sepanjang tempoh pinjaman, yang mungkin menambah beban kewangan jangka panjang kepada peminjam.

- Selain itu, penyelesaian kerajaan masih **tertumpu kepada peringkat pembeli** berbanding pemaju dan industri yang terlibat di dalam rantaian nilai kediaman dalam menyelesaikan isu peningkatan harga rumah.

- Apa yang sepatutnya kerajaan dan industri lakukan terlebih dahulu? Dalam menyediakan perumahan mampu milik yang selamat dan dijamin siap pada waktu yang ditetapkan, kerajaan perlu memperkukuhkan perundangan sedia ada supaya keadilan lebih berpihak kepada pengguna berbanding pemaju.

- Seperti contoh, kerajaan mewajibkan pemaju membuat **Penilaian Kesan Sosial** (SIA) untuk pembangunan, namun kita tertanya-tanya sejauh mana pelaksanaannya? Berapa syarikat pemaju dan projek yang membuat SIA? Dan

sehingga kini berapa projek yang mematuhi cadangan dan syarat yang dikeluarkan SIA? Ini kerana ada masih ada bangunan yang didirikan di pinggir sungai, sebelah kilang, malah ada yang didirikan di kawasan terdedah banjir.

- Bukan itu sahaja, negara kita mempunyai **lambakan pemaju** bagi sebuah negara yang mempunyai populasi yang terhad berbanding negara-negara besar. **Harga bahan binaan** pula semakin meningkat menyumbang kepada peningkatan harga akhir pasaran hartanah. Oleh itu, kita memerlukan langkah holistik bagi memastikan bangunan yang dibina benar-benar mampu milik.
- Dalam keadaan sekarang, kita sudah menghadapi lambakan hartanah yang tidak terjual sehingga kerajaan mengambil langkah menjualnya kepada warga asing melalui program Malaysia My Second Home (MM2H).
- Aturlah kawal selia yang baik dan diyakini oleh pengguna. Kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan untuk menyatupadukan agensi pembangunan hartanah nasional seperti yang dibuat di Singapura.
- Walaupun pelbagai dasar tidak jelas dan bersifat populis sedang dilaksanakan dan mungkin berfungsi buat masa ini, ia masih tidak mencukupi. Kerajaan disarankan untuk lebih telus dan cekap dalam menguruskan rantaian nilai industri hartanah supaya kedaulatan dan hak milik rakyat dapat dipelihara.
- Cukuplah beban keringat yang diperah semata-mata untuk memiliki kediaman sejahtera bagi seisi keluarga tetapi terpaksa berdepan dengan projek terbengkalai, gagal dan harga mahal. Pemaju mengisytiharkan muflis, tetapi pengguna terpaksa hidup dikelilingi hutang.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/mof-bnm-kpkt-teliti-pemberian-pinjaman-perumahan-jangka-masa-panjang/

Belanjawan 2025: Apa Harapan Sektor Pendidikan?

- Berbaki tempoh seminggu sebelum pembentangan Belanjawan 2025 di Parlimen, pelbagai pihak terus melobi pada saat-saat akhir ini untuk memastikan suara dan harapan mereka didengari, serta mendapat perhatian kerajaan melalui peruntukan belanjawan yang akan diumumkan.

- Bagi sektor pendidikan, antara harapan besar warga pendidik agar kerajan memberi tumpuan kepada **pemerkasaan sumber manusia** dengan memperuntukkan lebih 2/3 daripada bajet pendidikan tersebut bagi bayaran emolumen, gaji, dan elaun guru.

- Menurut Pensyarah Kanan Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Anuar Ahmad, peruntukan tersebut penting bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan warga pendidik dalam menyampaikan dasar pendidikan dengan lebih berkesan.

- Selain itu, kerajaan juga harus memberi tumpuan kepada penyampaian peruntukan pendidikan yang lebih efektif bagi memastikan akses dan kualiti pendidikan yang lebih baik, terutama kepada golongan miskin dan sekolah luar bandar, melalui inisiatif **Indeks Kualiti Sekolah**.



- Melalui indeks berkenaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat mengenal pasti keperluan berbeza bagi setiap sekolah untuk menentukan jenis bantuan dan tahap kesegeraan setiap peruntukan tersebut disalurkan. Ini sekali gus dapat mengurangkan masalah ketirisan dan pembaziran selain berupaya mengurangkan jurang capaian pendidikan bandar dan luar bandar.

- Sementera itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) menggesa kerajaan agar menambah dana **Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran** (PTPK) melalui Belanjawan 2025 sebagai langkah mengimbangi peningkatan jumlah pelajar dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), di samping kos pembelajaran yang turut bertambah.

- Menurut Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid, Presiden MBM, pengunguman kerajaan bagi penetapan gaji premium kepada lepasan TVET pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000 dilihat akan menarik lebih ramai anak muda mempelajari TVET. Justeru, penambahan peruntukan itu wajar sekali gus memberi lebih peluang PTPK menawarkan bantuan pelajaran kepada kumpulan sasar berkaitan.

- Mohd Izzat turut mencadangkan agar kerajaan memperbanyakkan **pusat pendidikan awal kanak-kanak** seperti Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) dan Pra-sekolah. Usaha ini dijangka mampu memberi manfaat besar kepada keluarga muda, terutama golongan berpendapatan rendah.

- Katanya, ramai golongan belia, khususnya yang baru membina rumah tangga, masih bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi serta yuran tadika swasta yang mahal. Oleh itu, penambahan Tabika dan Pra-sekolah sangat diperlukan kerana jumlah yang sedia ada tidak mencukupi dan tidak mampu menampung kemasukan murid.

- Isu lain yang turut hangat berlegar dalam perbincangan warga maya hari ini ialah mengenai kemungkinan kerajaan menghentikan subsidi membiayai pendidikan anak golongan kaya dalam Belanjawan 2025.
- Perkara tersebut dibangkitkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa berucap ketika merasmikan Simposium Kebangsaan Menoktah Kemiskinan 2024 di Putrajaya minggu lalu.
- Susulan itu, pelbagai pihak tampil mengesa kerajaan untuk benar-benar mengkaji cadangan tersebut sebelum dilaksanakan selain berharap agar pendidikan bagi peringkat Rendah dan Menengah terutamanya terus ditawarkan secara percuma oleh kerajaan tanpa mengira latar belakang dan status kewangan rakyat.

RUJUKAN

- https://malaysiagazette.com/2024/10/07/belanjawan-2025-peruntukan-lebih-besar-bantu-golongan-murid-pelajar-miskin/
- https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/belanjawan-2025-peruntukan-sektor-pendidikan-harus-fokus-perkasa-sumber-manusia-x970qtc
- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142476/belanjawan-2025-belia-harap-tambahan-dana-ptpk-tabika-diperbanyakkan
- https://www.sinarharian.com.my/article/688893/berita/nasional/perdebatan-henti-subsidi-pendidikan-untuk-anak-orang-kaya

Reformasi KPKM: Baik atau Buruk Untuk Negara?

- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dikatakan akan melaksanakan reformasi besar-besaran terhadap kementerian itu dengan **menggabungkan penguatkuasa tujuh agensinya** di bawah satu bumbung bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan.

- Tujuh agensi yang terlibat ialah Kawalselia Padi dan Beras (KPB); Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS); Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS); Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

- Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, apabila digabungkan, keanggotaan penguatkuasaan bagi sektor agromakanan negara akan mencecah seramai **2,030 orang** dan berkuasa mengawal keseluruhan **14 akta** di bawah KPKM.



- Profesor Madya Dr Bakri Mat dari Pusat Pengajian Antarabangsa di Kolej Undang-undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia menyatakan integrasi ini sepatutnya dapat membantu mengurangkan halangan birokrasi, menjadikan operasi lebih lancar dan cekap. Ia adalah mengenai dapat menangani isu seperti penyeludupan dan kebocoran dalam sistem dengan lebih berkesan dengan meningkatkan penyelarasan.

- Sebagai contoh, KPKM boleh menyediakan *one stop centre* di mana semua data daripada agensi ini boleh dikongsi secara *real-time*. Ini akan memudahkan untuk menjejaki sesuatu isu dan bertindak balas dengan cepat.

- Pun begitu, pemusatan kuasa ke satu agensi boleh mendedahkan negara kepada salah guna kuasa. Begitu juga penelitian harus diberikan kepada kepada **pertindihan kuasa** terutamanya yang melibatkan akta-akta. Sebagai contoh Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), adakah dengan penggabungan agensi ini bakal menjadikan "agensi baru" bertanggungjawab mengawal selia bekalan beras di pasaran ataupun tugas itu akan diberikan kepada agensi yang lain.

- Dalam masa yang sama, reformasi pentadbiran turut akan dilaksanakan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dalam masa terdekat. Namun, butiran reformasi pentadbiran masih belum diberikan.

- KPKM juga bakal melaksanakan pengasingan kuasa antara Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), KPB dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan memperkenalkan peraturan baharu bagi memantapkan sektor padi dan beras negara.

- Tidak dinafikan pengasingan kuasa antara agensi ini berpotensi memantapkan tatakelola sektor padi dan beras di Malaysia melalui pengkhususan peranan. Ini kerana isu yang sering timbul ialah pertindihan kuasa dan fungsi yang kadangkala boleh menjejaskan pelaksanaan dasar di peringkat lapangan.

- Pertindihan ini akhirnya mengakibatkan kekeliruan dalam kalangan pesawah, sekali gus menjejaskan keberkesanan intervensi kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran dan pengedaran padi.

- Kerajaan juga bakal mengeluarkan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import dalam bentuk pekeliling yang akan diperkenalkan dalam masa terdekat.

- KPKM juga akan memperkenalkan asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) beras negara selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).

- Menerusi kaedah baharu ini, pihak KPKM telah menentukan asas pengiraan pengeluaran padi pada tahun 2023 dengan mengambil kira jumlah padi bersih yang akan diproses kepada beras sahaja. Pengiraan itu tidak termasuk jumlah pengeluaran padi dikhususkan untuk tujuan benih pada tahun yang sama.

- Melalui pelarasan semula metodologi pengiraan SSR dan PCC beras menggunakan kaedah baharu itu pada tahun 2023, SSR beras negara adalah pada kadar 56.2% berbanding 57.9% pada tahun 2022. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji Kadar Sara Diri (SSR) Daging menangani kekurangan bekalan makanan berkenaan.

- Tambahan lagi, KPKM bercadang untuk mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil. Ia berikutan langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan dan dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendesak.

- Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), T. Saravanan mendesak kerajaan agar mempertimbangkan mekanisme kawalan harga telur ayam yang lebih fleksibel atau bersasar sebelum mengambil keputusan besar sedemikian. Ia bagi memastikan golongan miskin masih boleh mendapatkan telur ayam pada harga murah, dalam masa sama pasaran dibenarkan berfungsi secara bebas bagi golongan yang mampu membeli dengan harga semasa.

- Sabah pula bercadang untuk meminta pengecualian daripada kerajaan Pusat berhubung cadangan penamatan subsidi telur. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Jeffrey G Kitingan berkata, Sabah dan Sarawak adalah negeri yang memiliki jurang kemiskinan tinggi sekali gus memerlukan subsidi membabitkan barangan keperluan asas.

- Jika ini berlaku, rakyat Malaysia akan meyaksikan sekali lagi penarikan subsidi dikenakan terhadap Semenanjung Malaysia tetapi dikecualikan kepada Sabah dan Sarawak selepas penarikan subsidi diesel.

- Terlalu banyak reformasi yang ingin dibuat oleh kerajaan dalam masa terdekat ini di mana ada sebahagiannya baik dan sebahagiannya perlu penilitian semula terhadap mekanisme pelaksanaannya. Apapun keputusan kerajaan, ia mestilah dilakukan bersandarkan kajian yang teliti untuk mengelakkan kegagalan dalam rantaian makanan yang akhirnya merugikan negara dan rakyat.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/penguat-kuasa-tujuh-agensi-kpkm-digabung/
- https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/09/kpkm-perkenal-pengasingan-kuasa-peraturan-baharu-mantapkan-sektor-padi-negara
- https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1117237/special-committee-boost-meat-production-should-look-challenges-faced
- https://www.sinarharian.com.my/article/690116/suara-sinar/analisis-sinar/teliti-sebaik-mungkin-keputusan-tamatkan-subsidi-telur-ayam
- https://suara.tv/10/10/2024/sabah-minta-pengecualian-penamatan-subsidi-telur-jurang-miskin-tinggi/

FPP di Hospital Kerajaan Menguntungkan?

- Semasa berucap di Kongres Barah Sedunia di Geneva, Menteri Kesihatan Malaysia Dr Dzulkefly Ahmad mendedahkan KKM akan mewujudkan "bahagian swasta" di hospital awam, di mana pesakit menerima rawatan dengan membuat bayaran penuh (**Full Paying Patient**, FPP) dalam usaha meningkatkan perolehan kementerian.

- Sebuah syarikat bertujuan khas akan ditubuhkan di bawah KKM dan didanai pelaburan daripada GLIC untuk menguruskan perkhidmatan FPP. Ketika ini, FPP ditawarkan di 10 buah hospital, di mana pesakit boleh membayar untuk dirawat oleh doktor pakar di **wad kelas pertama** atau wad eksekutif dengan kadar harga yang lebih kompetitif berbanding hospital swasta.

Hospital Pulau Pinang	Hospital Sungai Buloh
Hospital Putrajaya	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru
Hospital Ampang	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
Hospital Selayang	Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu
Hospital Serdang	Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak, Kota Samarahan

- Untuk rekod, **jumlah perolehan yang dijana** menerusi perkhidmatan FPP pada tahun 2018 hanyalah RM22 juta, iaitu 0.05% daripada peruntukan KKM bagi tahun 2024 iaitu RM41.2 bilion.

- Galen Centre mengunjurkan jika kerajaan melaksanakan skim insurans kesihatan sosial berdasarkan gaji, peruntukan yang bakal terhasil ialah antara RM780 juta hingga RM31.1 bilion setahun. Unjuran ini mengambil model yang digunakan oleh PERKESO dan KWSP menerusi caruman pekerja dan majikan mengikut peratusan tertentu.

- Perkhidmatan FPP ketika dicadangkan pada tahun 2002 adalah bertujuan untuk mengatasi isu **peletakan jawatan pakar perubatan** dalam kalangan profesor dan pensyarah di fakulti perubatan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kadar peletakan jawatan pakar perubatan di KKM pada tahun 2003, 2004 dan 2005 mencecah 5.1%, 5.3% dan 6.8%.

- Antara punca utamanya ialah kemasukan pakar perubatan baharu dan peringkat pertengahan. Dalam pembentangan Belanjawan 2004, Menteri Kewangan mendedahkan kerajaan tidak mampu membayar gaji yang tinggi kepada pakar perubatan, justeru bersetuju untuk menubuhkan **bahagian komersial swasta di hospital awam** agar mereka dapat gaji yang lebih baik dan terus berkhidmat di fasiliti awam.

- Rentetan daripada itu, kadar peletakan jawatan selepas pengenalan FPP ialah 2.4% (2007), dengan yang tertinggi pada 4.2% (2011). Meskipun terdapat penurunan tetapi tidak begitu ketara. Tidak banyak kajian atau semakan yang dijalankan untuk menilai keberkesanan skim tersebut dalam mencapai objektif utama iaitu mengekalkan pakar perubatan di hospital awam.

KADAR (%) PEMBAHAGIAN PEMBAYARAN FPP		
JENIS FI	**PAKAR PERUBATAN**	**HASIL KERAJAAN**
Pendaftaran	-	100
Perundingan	100	-
Hospitaliti	-	100
Penyiasatan	50	50
Tatacara	100	-
Rawatan	50	50
Pakej Pemeriksaan Perubatan	60	40
Bahan Guna Pakai dan Pakai Buang	-	100

- Pakar perubatan senior yang terlibat dalam FPP dilihat cenderung **mendahulukan pesakit yang membuat bayaran penuh**, justeru meluangkan sedikit sahaja masa untuk pesakit 'percuma' lain, mengabaikan latihan kepada pakar perubatan junior dan penjagaan kualiti perkhidmatan di jabatan atau unit yang mereka ketuai.

- Skim FPP dijangka akan mendapat perhatian dalam Belanjawan 2025 nanti. Kerajaan perlu memastikan keseimbangan antara menambah perolehan KKM, menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang saksama kepada semua segmen masyarakat serta menjaga kebajikan petugas kesihatan.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/720372
- https://codeblue.galencentre.org/2024/10/origin-of-fpp-service-fpp-wasnt-intended-as-private-wings-chua-hong-teck/
- Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007, Kementerian Kesihatan Malaysia

Wajarkah Kapal Tentera Laut China Disambut?

- Tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut 2 buah kapal dari Kumpulan 83 Tugas Tentera Laut China untuk **lawatan kebudayaan** telah menimbulkan reaksi negatif. Sambutan meriah tersebut disifatkan tidak masuk akal kerana perairan negara iaitu di Sabah dan Sarawak diceroboh oleh aset negera berkenaan.

- Walaupun jemputan tersebut mendapat kebenaran dan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara dua buat negara, isu ini menimbulkan polemik apabila anggota Tentera Laut China tersebut turut diberi keizinan untuk **melawat beberapa sekolah** di Pulau Pinang.

- Menurut Biro Antarabangsa Bersatu, Datuk Seri Saifuddin, kerajaan digesa supaya lebih sensitif dalam mengendalikan kunjungan tersebut agar tidak menimbulkan persepsi negatif. Beliau menambah, kerajaan perlu peka terhadap pencerobohan aset-aset China di perairan Sabah dan Sarawak termasuk protes yang diterima oleh Petronas berkaitan projek Kasawari.

- China juga telah mengemukakan tuntutan agar Petronas menghentikan aktivti minyak dan gas di beberapa blok utama di luar persisir Sarawak. Nota diplomatik tersebut susulan daripada pengumuman Petronas untuk mengeluarkan gas pertama di platform Kasawari dan Jerun pada bulan Julai dan Ogos 2024.

- China mendakwa bawasan Laut China Selatan sebagai sebahagian daripada wilayahnya iaitu '**Nine-Dash Line**' yang meliputi sebahagian besar perairan yang dituntut oleh beberapa negara anggota ASEAN.

- Pada bulan lepas, negara telah digemparkan dengan kehadiran kapal perang China di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) yang berdekatan dengan pelantar minyak di Sarawak. Pencerobohan ini sangat membimbangkan kerana kapal frigat kelas Jiangwei tersebut dilengkapi dengan sistem peluru

berpandu antikapal, pertahanan udara dan torpedo yang akan mengancam keselamatan negara.




- Walaupun maklumat tersebut diketahui oleh **Wisma Putra**, namun tiada sebarang kenyataan dikeluarkan. Malah, Kementerian Luar Negara juga tidak memberi respon tentang perkara tersebut selain menyatakan komitmen untuk menjaga hubungan diplomatik antara dua negara.
- Laporan Ketua Audit Negara (KAN) mendedahkan sebanyak **89 kali pencerobohan** direkodkan antara tahun 2016 dan 2019. Pencerobohan

tersebut melibatkan Pasukan Pengawal Pantai China (CCG) dan Tentera Laut Pembebasan Rakyat China (Plan)

- Susulan itu tersebut, sebanyak **lima (5) nota bantahan diplomatik** telah dikeluarkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sepanjang tahun 2018 hingga 2019 namun nota tersebut tidak dihiraukan oleh kerajaan China.
- Pencerobohan kapal maritim dan kapal tentera China di perairan Malaysia akan memberi kesan seperti pencabulan kedaulatan negara, ketegangan diplomatik, ancaman keselamatan maritim dan gangguan kepada aktiviti ekonomi.
- Meraikan Tentera Laut China di Malaysia adalah satu isu yang sensitif, terutama dalam konteks ketegangan yang disebabkan oleh pencerobohan kapal maritim China di perairan negara. Sebarang langkah untuk meraikan Tentera Laut China mungkin akan mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan rakyat Malaysia.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengapa-sambut-meriah-kapal-tentera-laut-china-saifuddin-491036
- https://www.sinarharian.com.my/article/684988/berita/nasional/bukan-kapal-biasa-tapi-kapal-perang
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/09/wisma-putra-no-comment-on-reports-of-incursion-by-china-vessels/
- https://www.malaysiakini.com/news/534396



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**